

GLOBALISASI DAN IMPAK SOSIOBUDAYA

Aishah@Eshah Haji Mohamed¹, Katiman Rostam²

Received Article: 15 Mei 2017

Accepted Article: 20 Juni 2017

Abstract

Globalization, the ongoing process of greater interdependence among countries and their citizens, is complex and multifaceted. Many of the problems that the critics of globalization point to are real. This article on the socio-cultural impact of globalization on the semi-urban populations uses data collected in three districts in Selangor (Sepang, Kuala Selangor and Kuala Langat), Malaysia using survey and in depth interviews method. The socio-cultural impact of globalization on the semi-urban populations of Selangor can be seen from several angles. Among other things are the changes in interpersonal relationship due to changes in occupations, places of works, places of residence and different work schedules. Thus a new kind of relationship evolved i.e. between different categories of workers and the management. This creates a totally new environment whereby the management determined certain aspects of the life of workers such as pay rise and work schedules. Their life styles are also different. With the improved economic condition more job opportunities are available for foreign workers and women. The children are now being looked after by maids or the so called transit houses which are not based on family relationship. The influx of foreign workers also expose the local populations to various infectious diseases such as tuberculosis, malaria (which had been eradicated in the country long time ago), SARS and H1N1.

Key Words: *Globalization, Interpersonal relation, Migration, Life style, Social change and women.*

Pengenalan

Globalisasi telah banyak diperkatakan oleh ahli sains sosial. Ia merupakan istilah yang sangat longgar yang merangkumi segala aspek kehidupan, iaitu sosial, ekonomi, politik dan budaya. Proses globalisasi bukan hanya berlaku baru-baru ini sahaja tetapi telah lama berlaku melalui penjajahan, perdagangan, peperangan dan migrasi. Proses globalisasi ini mempunyai kesan ke atas ruang kewilayahan politik tradisional, kedaulatan dan hubungan antara manusia di seluruh dunia. Peningkatan hubungan sosial antara manusia

di tahap global telah mengurangkan secara signifikan struktur kewilayahan dan negara. Apa yang berlaku di satu-satu tempat ada hubung kait dengan kejadian yang berlaku di tempat lain walaupun jauh dan begitulah sebaliknya (Anthony Giddens 1990).

Dalam dunia global, masa dan sempadan mengambil makna yang berbeza dan tidak ada aspek kehidupan yang tidak disentuh oleh kuasa global. Serangan ke atas Iraq oleh Amerika Syarikat dan sekutukutunya mempengaruhi negara-negara lain

¹ Penulis adalah dosen Jurusan Antropologi dan Sosiologi PPSPP Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia.

² Penulis adalah dosen Jurusan Antropologi dan Sosiologi PPSPP Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia.

negara-negara lain yang ada hubungan perdagangan dengannya.

Dalam bidang ekonomi, globalisasi menggambarkan amalan baru yang bersifat dinamik. Sudah wujud e-dagang dan e-kewangan di mana pembeli dan penjual tidak perlu bertemu secara bersemuka tetapi bertemu di alam maya. Bentuk perdagangan dan kewangan jenis ini juga bermasalahan seperti berlaku penipuan dan kecurian kerana manusia juga menjadi

bertambah canggih. Golongan kapitalist mencari peluang perniagaan dan pelaburan di mana sahaja di dunia ini dalam usaha mencari keuntungan untuk perniagaan mereka, melalui pemasaran, pembelian bahan dan pengambilan pekerja. Tahap intergrasi kapitalis di dunia berlaku dalam tiga cara utama, iaitu disiplin pemasaran global, akumulasi modal yang bersifat fleksibel melalui jaringan global, dan penyebaran kewangan global. Bentuk disiplin pemasaran global berlaku melalui proses pembentukan piawai harga, kualiti dan kecekapan dalam skala global yang dominan oleh agen ekonomi. Keadaan ini juga diaplikasikan kepada pasaran domestik mereka (Orozco 2002). Akumulasi modal ekonomi dilakukan melalui amalan pengeluaran yang boleh beroperasi di mana dan pada bila-bila masa sahaja dengan mengekalkan struktur jaringan dengan firma dan unit pengeluaran lain dalam usaha untuk memenuhi keperluan pengeluaran. Pertumbuhan dalam penguasaan kewangan global yang selalunya tidak seimbang dengan pertumbuhan pengeluaran dan perdagangan antara negara telah meningkatkan jurang dalam kewangan global. Bentuk kapitalisme baru ini berlaku melalui peranan yang dimainkan oleh syarikat *multinational* dan *transnational* dengan sokongan politik tempatan telah menubuhkan kilang dan melabur di mana-mana sahaja di dunia yang difikirkan boleh mendatangkan keuntungan.

Kesan pengenalan syarikat *multinational* dan *transnational* di seluruh dunia dapat dilihat melalui perpindahan modal, kilang, barangan dan manusia di seluruh dunia. Amalan ini berlaku dalam usaha pemodal mencari pasaran, pekerja dan bahan mentah yang murah dan keuntungan yang tinggi sehinggakan dunia dikatakan tidak bersempadan. Dalam

bidang ekonomi, kebanyakan negara merelakan kewujudan syarikat-syarikat asing tanpa memikirkan kesannya kepada penduduk tempatan. Pemilik kedai kecil mungkin terpaksa gulung tikar kerana tidak dapat bersaing dengan syarikat besar yang berupaya untuk menawarkan harga yang murah dan lebih berstruktur operasi mereka. Begitu juga kaum tani yang tidak dapat bersaing dengan syarikat-syarikat agrobusiness yang besar. Mereka ini akhirnya terpaksa menjadi pekerja. Ini bermakna identiti mereka sudah berubah, daripada pemilik atau pemodal kepada pekerja atau kuli. Menyedari hal inilah, pemerintah di sesetengah negara menggunakan media elektronik dan cetak untuk meningkatkan kesedaran rakyat tentang sempadan kebangsaan dan tempatan serta identiti tradisi mereka. Usaha tersebut nampaknya kurang mampu untuk menahan sama ada idea, nilai, duit, barangan dan manusia daripada mengalir keluar. Mereka juga gagal menahan idea, nilai, barangan dan pendatang asing yang boleh menjejaskan nilai-nilai tradisi tempatan daripada mengalir masuk. Secara umum, di setiap negara sejumlah rakyatnya sama ada secara *legal* mahupun tidak *legal* bergerak ke seluruh dunia. Pergerakan ini berlaku dengan sendiri dalam bentuk pelancongan, perdagangan, pendidikan, perkahwinan atau pekerjaan dalam usaha mencari kelangsungan ekonomi. Pergerakan ini menimbulkan masalah kepada negara terutama dalam konteks hubungan sosial, penyebaran penyakit, gaya hidup, nilai, ketaksamaan sosial, peranan keluarga dan amalan keagamaan.

Pembangunan dilihat sebagai strategi penting negara untuk mempromosi dan meningkatkan kualiti hidup rakyatnya. Pembangunan ekonomi dikatakan berpotensi untuk memberi sumbangan yang signifikan kepada negara dan rakyat. Pembangunan menghasilkan perubahan fizikal, sosial, budaya dan ekonomi. Banyak tanah-tanah hutan diterokai dan dibuka untuk tujuan perladangan, perkilangan dan perumahan. Perubahan ini mengubah sifat komuniti tempatan di mana ia berlaku. Komuniti tempatan menyesuaikan diri kepada perubahan tadi dengan mencari perubahan alternatif. Ini bermakna perubahan yang berlaku membawa impak sosiobudaya dan ekonomi kepada komuniti

lokal. Tahap intergrasi mengurangkan autonomi komuniti tempatan atau autonomi orang perseorangan. Kebajikan mereka bergantung kepada kejayaan komuniti untuk membangun kemudahan fizikal. Pembangunan fizikal tidak bermakna pembangunan sosial juga berlaku ke arah yang lebih baik. Pembangunan fizikal mempunyai impak ke atas kehidupan sosiobudaya penduduk tempatan.

Impak sosiobudaya globalisasi ke atas kehidupan manusia dapat dilihat dalam tiga cara. Pertama, perubahan ekonomi membawa makna bahawa barangan dengan pesat menjadi komoditi, sama ada melalui iklan atau perdagangan. Kebanyakan barangan dan perkhidmatan dinilai dari segi wang. Kedua, perubahan budaya bermakna sesetengah idea, nilai, tingkah laku luar tersebar, sehinggakan cara baru memahami diri sendiri wujud dan selalunya berkonflik dengan nilai-nilai tradisi. Hubungan kekeluargaan dan sosial menjadi bertambah renggang kerana corak dan jenis pekerjaan, peraturan kerja serta tempat tinggal yang tidak lagi bersifat patrilokal, matrilokal atau bilokal. Begitu juga dengan peranan sosial seperti gender dan anak. Ketiga, arena politik yang menentukan bentuk mana barangan dan nilai hendak dinyatakan dalam kehidupan harian. Makanan dan minuman segera telah menjadi budaya makan utama dalam kalangan golongan muda. Pepsi cola, coca

cola, burger, French fries dan ayam goreng sudah menjadi makanan kegemaran golongan muda di kebanyakan negara dunia. Makalah tentang impak sosio budaya globalisasi dan pembangunan ini hanya memberi tumpuan kepada (a) hubungan interpersonal, (b) gaya hidup, (c) penyebaran penyakit, (d) pendatang asing dan (e) pembahagian tugas antara gender. Perbincangan ini merupakan sebahagian daripada hasil kajian yang lebih besar yang dilakukan di tiga daerah di Selangor, iaitu Kuala Selangor, Kuala Langat dan Sepang iaitu sebahagian daripada zon pinggiran Wilayah Metropolitan Lembah Klang-Langat (Rajah 1: Nama daerah 1. Gombak, 2. Hulu Lngat, 3. Hulu Selangor, 4. Kelang, 5. Kuala Langat, 6. Kuala Selangor, 7. Petaling, 8. Sabak Bernam, 9. Sepang). Kajian ini dilakukan dengan menggunakan kaedah survei dan temu bual mendalam. Survei dilakukan ke atas 201 orang responden yang dipilih dengan menggunakan kaedah rambang berkelompok. Temu bual mendalam dilakukan dengan beberapa informan utama yang terdiri daripada orang tua, ketua kampung, pegawai kerajaan, guru sekolah, ahli politik, ahli perubatan dan orang perseorangan yang mempunyai pengetahuan luas tentang pembangunan di Selangor. Kajian ini dilakukan antara tahun 2007 dan 2009.



Sumber: <http://en.wikipedia.org/wiki/selangor> – diakses 24/9/2009

RAJAH 1. Kedudukan sembilan Daerah di Selangor

Hubungan Interpersonal


Hubungan interpersonal dan organisasi sosial dalam kalangan penduduk pinggir wilayah metro politan Selangor terkesan ekoran daripada pembangunan yang berlaku di sekeliling mereka. Pembangunan ekonomi dan sosial mempengaruhi bentuk hubungan kekeluargaan dalam kalangan penduduk di pinggir wilayah metropolitan. Pembangunan ekonomi, melalui pembinaan kilang oleh syarikat *multinational*, *transnational* dan tempatan di bandar dan di pinggir bandar telah membawa kepada solidariti dan hubungan kekeluargaan yang ada dalam kalangan penduduk pinggir wilayah metro politan menjadi longgar. Mereka jarang dapat bertemu antara satu sama lain. Malah ada ibu bapa yang menyatakan bahawa mereka jarang dapat bertemu dengan anak-anak walaupun tinggal dalam daerah yang sama kerana mereka sibuk dengan kerja. Bagi anak-anak yang tinggal di tempat lain, masa yang mereka pasti anak-anak balik ialah pada hari-hari perayaan dan sakit. Kenduri kendara dan cuti sekolah selalunya mengikut kemampuan, baik dari segi masa dan juga kewangan. Di tahap kampung, kerjasama

dalam melaksanakan kerja sudah jarang berlaku. Mengikut majoriti informan yang ditemui, semangat solidariti dan hubungan kekeluargaan menjadi longgar kerana beberapa alasan, iaitu (a) jenis pekerjaan, (b) masa kerja, (c) tempat kerja (d) peraturan cuti, (e) masa rehat, (f) kenaikan pangkat, (g) perubahan nilai dan (h) peningkatan jenis dan kadar jenayah.

Kebanyakan responden terlibat dalam sektor pembuatan, iaitu bekerja di kilang. Mereka tidak lagi terlibat dalam sektor pertanian sara diri sebagaimana datuk nenek mereka (Rajah 2). Majoriti responden terutama golongan muda kurang berminat untuk bekerja dalam sektor pertanian. Alasan yang mereka beri adalah pendapatannya tidak menentu, banyak menggunakan tenaga, tidak *glamour*, tiada modal ekonomi dan sosial untuk melaksanakan secara besar-besaran untuk mendapat untung, terdedah kepada bencana alam, harga hasil pertanian tidak menentu, pasaran tidak terjamin dan tidak ekonomikal kerana saiz tanah yang kecil atau sesetengahnya tidak memiliki tanah langsung. Mereka lebih suka merebut peluang pekerjaan yang ditawarkan oleh syarikat *multinational*, *transnational*, tempatan atau sektor kerajaan kerana gajinya

tetapkan. Bagi responden yang tidak memiliki tahap pendidikan yang tinggi, mereka tidak berkira sangat tentang jenis kerja (jaga, pembantu pentadbir, pemandu, pembantu kedai, tukang cuci) asalkan pekerjaan tersebut menjamin gaji tetap setiap bulan. Bekerja dalam sektor formal tidak memberi mereka kebebasan sebagaimana bekerja sendiri dalam sektor pertanian. Bekerja dalam sektor formal bagi golongan majoriti responden (83.5 peratus) telah menurunkan martabat

mereka kerana taraf pekerjaan majoriti responden berada dalam strata yang terendah. Mereka sekarang menjadi pekerja yang terpaksa akur kepada kehendak majikan. Malah ada responden yang bekerja dalam sektor swasta (9.5 peratus) mengatakan bahawa majikan mereka sudah mula memilih antara pekerjaan tempatan dengan pekerja asing. Majikan lebih cenderung untuk mengambil pekerja asing daripada pekerja tempatan kerana senang diurus dan tidak cerewet.



RAJAH 2. Sektor pekerjaan yang diceburi oleh responden

Masa kerja bagi pekerjaan baru ini berbeza daripada masa kerja yang diamalkan oleh datuk nenek mereka dalam pertanian sara diri dan ini seterusnya mempengaruhi corak hubungan sosial mereka. Masa kerja dalam sektor pertanian sara diri lebih fleksibel dan tidak ada peraturan kerja yang *rigid* sebagaimana dalam sektor perkilangan atau sektor kerajaan. Selain daripada masa kerja yang tetap (misalnya lapan pagi ke lima petang bagi sektor kerajaan) mereka juga terpaksa patuh kepada peraturan kerja seperti peraturan cuti, masa masuk dan balik kerja, masa rehat, bonus dan kenaikan pangkat. Kebebasan dan masa senggang mereka terhad. Sebagai pekerja dalam sektor formal mereka tidak boleh mengambil cuti atau pergi kerja sesuka hati. Peraturan yang dikenakan oleh majikan menyebabkan mereka tidak boleh berjumpa dengan ahli keluarga dan kawan-kawan sesuka hati walaupun tinggal dalam kampung yang sama. Mereka tidak boleh


menjaga ibu bapa atau anak yang sakit selama yang mereka suka kerana tertakluk kepada peraturan cuti yang ditetapkan oleh majikan. Mereka boleh mengambil cuti tanpa gaji tetapi ini juga tertakluk kepada peraturan tertentu yang selalunya berkaitan dengan sebab dan tempoh kerja. Bagi yang bekerja daripada pukul lapan pagi mereka terpaksa pergi lebih awal untuk mengelakkan kesesakan lalu lintas atau takut ketinggalan bus. Kelewatan sampai ke tempat kerja boleh menjejaskan bonus dan prestasi kerja mereka terutama yang bekerja dalam sektor swasta.

Masa untuk bersama keluarga, menziarahi kaum keluarga atau jiran tetangga yang sakit atau melibatkan diri dengan aktiviti komuniti juga sangat terhad. Situasi ini boleh merenggangkan hubungan sosial. Kekerapan dan jangka masa ber temu secara bersemuka berkurangan. Amalan gotong royong yang kerap me nemukan kaum keluarga dan jiran tetangga yang diamalkan dahulu sudah mula

terhakis. Majoriti informan mengatakan bahawa kenduri kahwin sudah banyak diadakan di dewan/hotel dan makanan untuk tetamu pula ditempah, tidak lagi dimasak di rumah pengantin. Amalan berkampung beberapa hari sebelum hari kenduri sudah mula tidak diamalkan lagi. Alasan yang mereka berikan ialah susah untuk mendapat bantuan tenaga, baik dalam kalangan keluarga kerana kesibukan kerja, tempat tinggal jauh dan susah hendak ambil cuti. Dengan mengadakan kenduri di dewan/hotel, tetamu hanya datang untuk makan sahaja. Amalan baru ini telah mewujudkan peluang pekerjaan baru kepada golongan lain (seperti katerer, pelayan, tukang masak, tukang cuci).

Tempat kerja majoriti responden sekarang tidak lagi di sekitar kampung atau tempat tinggal mereka. Ada responden yang bekerja dalam daerah yang sama tetapi tempat kerja mereka jauh daripada tempat kediaman. Manakala yang lain pula terpaksa bekerja di luar daerah atau negeri lain. Bagi responden yang bekerja di luar daerah atau negeri, mereka berpindah tinggal berdekatan dengan tempat kerja. Mereka tidak lagi tinggal dalam lingkungan yang sama dengan ibu bapa dan kaum

keluarga lain sebagaimana yang diamalkan oleh generasi sebelumnya. Golongan ini terpaksa meninggalkan ibu bapa yang telah tua di kampung dan datang menziarah mereka hanya pada masa-masa tertentu sahaja (seperti ada kematian, sakit, kenduri kendara, hari raya dan cuti sekolah atau awam (bagi yang anak yang masih bersekolah). Perpindahan tempat tinggal ini menyebabkan mereka tidak dapat menjaga ibu bapa yang telah tua serta berhubung dengan ahli keluarga lain dengan kerap. Bagi mereka yang sudah berumah tangga dan bekerja dalam kategori bawahan, kerap balik kampung amat kurang kerana masalah cuti, pengangkutan dan kewangan. Responden yang pendapatan keluarganya bawah RM3,000.00 sebulan adalah 46 peratus, manakala yang berpendapatan lebih daripada RM 5,000.00 sebulan hanyalah 27.7 peratus (Rajah 3). Mereka yang berpendapatan di bawah RM3,000.00 ini pula majoritinya mempunyai anak yang ramai. Bagi responden yang masih muda, mereka belum memiliki rumah sendiri atau baru membeli rumah sendiri yang memerlukan komitmen kewangan yang tinggi.



RAJAH 3: Pendapatan keluarga responden sebulan

Penduduk pinggir wilayah metropolitan ini, walaupun tidak bertemu secara bersemuka, masih ada berhubung dengan ibu bapa, adik beradik dan kawan-kawan untuk bertanya khabar melalui media cetak dan elektronik (Jadual 1). Dalam Jadual 1 didapati terdapat perbe-

zaan yang ketara antara cara hubungan dan orang yang dihubungi. Dalam tempoh tiga bulan, majoriti responden (65.7 peratus) ada menghubungi ibu bapa melalui telefon dan 83.1 peratus responden pula ada menghubungi adik beradik. Sekurang-kurangnya sekali untuk bertanya

khobar. Telefon merupakan alat perhubungan yang utama berbanding dengan alat perhubungan yang lain. Hampir semua responden mempunyai telefon bimbit. Jumlah responden yang mengutus surat sangat rendah, iaitu cuma 0.5 peratus. Surat pada masa kini sudah kurang praktikal berbanding dengan dahulu kerana ramai responden memilih untuk berhubung dengan cara yang lebih cepat dan pantas. Manakala 0.5 peratus responden yang menggunakan emel untuk berhubung, iaitu

dua orang (1 peratus) menghubungi ibu bapa, seorang menghubungi adik beradik dan yang paling ramai, iaitu 22 orang responden menghubungi kawan-kawan. Emel merupakan salah satu teknologi komunikasi yang kurang dimiliki dan dikuasai oleh golongan tua. Tambahan pula kemudahan internet tidak terdapat di semua tempat. Hubungan sosial dalam bentuk baru wujud dalam kalangan penduduk pinggir wilayah metropolitan ini, tidak lagi bersifat semuka tetapi melalui alat teknologi komunikasi.

JADUAL 1. Orang yang responden hubungi dalam tempoh tiga bulan kebelakangan ini mengikut cara perhubungan.

Orang yang dihubungi	Emel		Telefon		Surat		Ziarah		Lain-lain	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Ibu bapa	2	1	132	65.7	1	0.5	117	58.2	6	3
Adik beradik	1	0.5	167	83.1	2	1	128	63.7	4	2
Ibu bapa mertua	2	1	95	47.3	-	-	104	51.7	4	2
Ahli keluarga lain	6	3	151	75.1	3	1.5	111	55.2	2	1
Kawan-kawan	22	10.9	153	76.1	5	2.5	95	47.3	9	4.5

Dari segi kekerapan responden berhubung dengan mereka dapat dilihat dalam Jadual 2. Orang yang sangat kerap dihubungi oleh responden ialah ibu bapa, iaitu sebanyak 43.3 peratus berbuat demikian. Manakala ahli keluarga lain yang kerap dihubungi oleh responden pula terdiri daripada datuk dan nenek (14.9 peratus), ibu bapa mertua (25.4 peratus), adik-beradik ipar (32.8 peratus) serta kawan-kawan (38.2 peratus). Responden kurang kerap menghubungi adik-beradik, emak dan bapa saudara. Individu yang jarang-jarang sekali dihubungi oleh responden ialah sepupu dan dua pupu. Dengan ahli keluarga lain, mereka hanya berhubung apabila ada hal-hal penting keluarga. Hubungan responden dengan

ahli keluarga lain menjadi longgar, kecuali bagi mereka yang masih ada datuk, nenek dan ibu bapa. Bagi golongan ini peluang untuk mereka bertemu masih ada, iaitu apabila berlaku kematian, sakit, kenduri kendara dan hari raya. Majoriti responden mengatakan bahawa mereka hanya pergi menziarah ibu bapa, datuk dan nenek, emak dan bapa saudara serta adik beradik sahaja semasa hari raya dan tidak ahli keluarga yang lain. Ini ditegaskan oleh seorang informan yang bekerja dalam sector swasta sebagai pemandu, "Cuti saya amat terhad. Begitu juga dengan duit. Balik berjumpa ibu bapa dan mengziarah adikberadik memerlukan wang. Saya hanya balik atau pergi ke rumah adik beradik apabila terpaksa".

JADUAL 2: Tahap Kekerapan responden berhubung mengikut hubungan kekeluargaan

Bil	Hubungan kekeluargaan	Skala kekerapan	Kekerapan (f)	%
1	Datuk dan nenek	Kerap	30	14.9
2	Ibu bapa	Sangat kerap	87	43.3
3	Ibu bapa mertua	Kerap	51	25.4
4	Adik beradik ipar	Kerap	66	32.8
5	Adik beradik	Kerap	99	49.3
6	Emak dan bapa saudara	Kurang kerap	58	28.9
7	Sepupu	Kurang kerap	56	27.9
8	Dua pupu	Jarang-jarang sekali	61	30.3

Sebagai pekerja dalam sektor formal, hubungan dengan kawan sekerja menjadi lebih rapat. Kawan sekerja ini bukan sahaja terdiri daripada penduduk tempatan tetapi juga penduduk dari negeri lain (seperti Kelantan, Terengganu, Kedah) dan negara lain (seperti Indonesia, Bangladesh, Pakistan, Vietnam, Thailand dan China). Malah ada informan yang mengatakan bahawa mereka lebih rapat dengan kawan di tempat kerja berbanding dengan kaum keluarga kerana mereka berjumpa setiap hari. Mengikut golongan ini, kawan di tempat kerja lebih banyak membantu semasa susah kerana keluarga jauh di kampung. Sudah ada penduduk Selangor yang berkahwin dengan pekerja asing yang mereka kenal di tempat kerja seperti gadis Selangor kahwin dengan warga Indonesia, Bangladesh, Pakistan atau China. Perkahwinan ini mewujudkan ikatan kekeluargaan yang lebih luas, iaitu mereka dari negara lain. Perkahwinan gadis tempatan dengan pemuda asing ini amat membimbangkan penduduk tempatan yang terdiri daripada ibu bapa. Seorang informan yang terdiri daripada ibu telah meluahkan perasaan bimbangannya dalam hal ini,

“ Saya bimbang anak gadis sahaja yang bekerja di Kilang di Shah Alam jatuh cinta dengan pemuda asing. Bukan saya tidak suka kahwin antara dua Negara tetapi kita mesti tahu dan selidik asal usul bakal pasangan, status perkahwinan, status kesihatan dan niat sebenar mereka. Ada gadis kita yang dikahwini dan dilacurkan. Banyak dalam akhbar menceritakan tentang hal gadis kita yang berkahwin dengan pemuda asing merana apabila di bawah balik ke negeri asal suami mereka. Malah ada gadis kita yang dijangkiti penyakit merbahaya seperti AIDS dan hipertitis B. Ada juga kes di mana anak dilarikan oleh suami ke negara asal mereka apabila berlaku perceraian. Hal menjadi lebih rumit bila agama suami diragui. Bila ini berlaku siapa yang susah. Tentulah ibu bapa, adik beradik dan juga Negara. Saya lebih suka kerajaan

mengenakan peraturan yang ketat untuk gadis yang ingin berkahwin dengan warga asing supaya tidak berlaku penganiayaan terhadap mereka dan anak-anak yang bakal mereka lahirkan nanti”

Proses globalisasi juga telah memperkenalkan bentuk perniagaan baru dalam sektor ekonomi. Sesetengah bentuk perniagaan mungkin memperdagangkan aspek kehidupan sosial, manakala yang lain menyediakan perkhidmatan sokongan kepada sektor perkilangan. Peningkatan dalam keinginan kepada keuntungan ekonomi membawa kesan kepada hubungan penduduk tempatan dengan tempatan dan pendatang asing. Hubungan ini ada dalam bentuk majikan dengan pekerja, penyewa dengan pemilik rumah dan pembeli dan penjual. Sudah ada penduduk tempatan yang mengambil pendatang untuk bekerja dengan mereka (seperti pembantu rumah), menyewa rumah kepada pendatang atau menjual barangan mereka kepada pendatang atau sebaliknya, dengan alasan kewangan. Seorang informan di Morib memberitahu bahawa beliau selalu membeli karpas dan barangan lain daripada penjaja asing yang datang berjuala ke rumahnya atas alasan kasihan belas, lebih murah dan boleh berhutang. Ini diperteguhkan oleh seorang informan lain yang terdiri daripada pemilik rumah. Beliau tidak kisah siapa hendak sewa rumahnya (pendatang atau penduduk tempatan) asalkan mereka bayar sewa. Perbuatan tuan rumah menyewa rumah kepada pendatang dalam sesetengah keadaan telah mendatangkan perasaan bimbang kepada penghuni rumah yang bersebelahan dengannya. Seorang informan wanita yang tinggal bersebelahan dengan pendatang menceritakan pengalaman beliau, “Saya bimbang tinggal berjiran dengan pendatang. Kawasan kami sejak ramai dihuni oleh pendatang, kejadian jenayah meningkat dan bising. Pendatang selalunya tinggal sampai 10 – 12 orang dalam satu unit rumah teres tiga bilik. Bila bilangan mereka ramai, mulalah mereka ini bersikap biadap dan berani kacau anak dara tempatan. Mereka sudah berani tegur anak gadis yang lalu di depan rumah mereka. Malah ada tuan tanah yang menyewakan tanah mereka kepada

pendatang untuk buat rumah". Majoriti informan kesal kerana orang sekarang lebih mementingkan wang daripada memikirkan kepentingan ramai. Ini bermakna sistem nilai yang berasaskan kepada nilai moral sudah digantikan dengan nilai yang berasaskan wang. Akibatnya hubungan rapat dahulu bertukar kepada hubungan bentuk perdagangan.

Perubahan dalam Gaya Hidup Harian

Pembangunan ekonomi yang berlaku di Wilayah Metropolitan Lembah Klang-Langat ada kesan ke atas gaya hidup tradisi penduduk yang tinggal di pinggirnya. Penglibatan penduduk dalam sektor perkilangan, perkhidmatan dan pembuatan yang beroperasi 24 jam dengan jadual kerja yang *rigid* membawa makna bahawa pembahagian masa harian mereka juga turut berubah, iaitu antara masa kerja dan masa senggang. Jadual kerja yang pelbagai mempengaruhi kehidupan peribadi dan keluarga. Bekerja tidak ikut masa telah menyebabkan masa tidur mereka terganggu.. semasa orang lain tidur mereka kerja. Masa yang digunakan untuk melakukan aktiviti bersama keluarga juga terjejas dan kurang. Terdapat keluarga di mana isteri kerja siang, manakala suami pula bekerja malam. Keadaan ini meningkatkan risiko sumbang mahram, rogol atau gejala sosial yang lain. Ibu bapa ini hanya ada masa bersama pada hari minggu. Anak-anak bagi pasangan begini, ada yang dihantar ke kampung untuk dibela oleh nenek atau dihantar ke rumah penjaga atau tempat penjagaan kanak-kanak. Kanak-kanak yang tidak dijaga oleh ibu sendiri selalunya diberi susu tepung. Ini bermakna ikatan kasih sayang antara ibu dengan anak yang boleh wujud melalui pemberian susu ibu kurang malah diambil alih oleh susu haiwan. Kanak-kanak yang diberi susu haiwan dan dididik oleh orang asing, kasih sayang dan rasa hormat terhadap ibu bapa boleh menjadi kurang. Di akhir-akhir ini banyak cerita dalam media cetak dan elektronik tentang anak yang mengabaikan ibu bapa yang telah tua. Kesibukan ibu bapa mengejar material menyebabkan anak-anak terbiar dan terabai. Anak yang terbiar dan terabai mudah terjebak dengan gejala sosial seperti

dadah, merempit, arak dan hubungan seks bebas.

Kewujudan tempat membeli belah dan *home-stay* di Selangor telah memberi peluang kepada wanita terutama yang kurang berpendidikan untuk bekerja dalam lingkungan awam. Golongan ini berpeluang untuk bekerja sebagai tukang sapu, cashier, juru jual, tukang masak dan kerani. Lingkungan wanita ini tidak lagi terhad kepada lingkungan domestik sahaja. Peluang yang ada untuk wanita dalam sektor formal ini telah membuka peluang kepada wanita lain untuk menambah pendapatan keluarga dengan mewujudkan taska, tadika, pusat transit kanak-kanak, perkhidmatan penjagaan bayi, warga tua dan menjual makanan masak, menu buhkan gerai-gerai makan dan menjadi pembantu rumah. Wanita bekerja yang mempunyai anak perlu kepada perkhidmatan wanita lain untuk menjaga anak-anak mereka, baik secara formal atau tidak formal. Peranan ibu untuk mendidik anak-anak telah diambil alih sebahagiannya oleh orang lain seperti pembantu rumah, penjaga kanak-kanak di rumah penjagaan, guru taska atau tadika. Orang lain yang terlibat dengan pendidikan anak-anak terutama di tahap rebung ini rata-ratanya terdiri daripada pendatang asing yang mempunyai taraf pendidikan yang rendah, budaya, pandangan dunia, nilai, norma dan bahasa yang berbeza daripada ibu bapa tempatan. Anak-anak daripada kecil lagi sudah mesra dan sayang dengan orang asing yang mendidik mereka. Pembantu ini ada yang kuat agama dan ada yang pegangan agama mereka kurang. Malah ada seorang informan yang mengatakan bahawa pembantunya tidak tahu membaca Al-Quran, membaca dan menulis, tidak sembahyang, tidak suka budak dan mempunyai nilai kebersihan yang amat ketara berbeza dengan dirinya. Beliau terpaksa membiarkan anak-anaknya dididik oleh pembantu tersebut kerana tidak ada pilihan kerana sudah bayar wang muka. Informan ini juga risau tentang taraf kesihatan pembantunya (walaupun sudah ada jamin bahawa kesihatannya ok daripada agensi pengambilan) serta tabiat hariannya sebab daripada budaya yang berbeza.

Kehidupan dalaman dan emosi penduduk pinggir wilayah metropolitan

Selangor juga berubah ekoran daripada perubahan fizikal, sosial dan informasi yang berlaku. Ini dapat dilihat dari segi kemusnahan keluarga besar, anak kurang minat hendak tinggal dengan ibu bapa apabila sudah bekerja, peningkatan dalam identiti peribadi dan perubahan dalam gaya hidup. Perubahan gaya hidup yang paling ketara dalam kalangan penduduk pinggir wilayah metropolitan ini ialah makan di luar. Ahli keluarga jarang makan bersama di rumah pada hari kerja. Suami isteri yang bekerja makan tengah hari di tempat kerja masing-masing, manakala anak makan di rumah, di rumah penjaga atau kantin sekolah. Mereka juga didehkan kepada makanan segera dengan bercambahnya restoran makanan segera (seperti McDonald, Kentucky, Burger King dan Kenny Rogers) dan juga restoran makanan Negara lain (seperti Iran, Turkey, Vietnam) yang terdapat di segenap ceruk Selangor. Mereka juga terdedah kepada barangan baru (*hand-phone*, video games, komputer riba), barangan berjenama dan mewah (beg tangan dan alat solek Gucci, Dior, YSL dan Chanel) dan media cetak dan elektronik yang membolehkan mereka mendapat dengan mudah segala informasi terkini. Informasi ini ada yang baik (informasi tentang cara jangkitan dan penyebaran penyakit SARS, H1N1 dan selsema burung) dan ada juga yang tidak baik (seperti *blue film*, cerita-cerita ganas dan iklan yang menawarkan perkhidmatan seks). Tanpa pengawasan ibu bapa mereka dengan mudah boleh terjebak dengan jenayah seks serta dadah. Ramai remaja sekarang yang terlibat dengan hubungan seks di luar perkahwinan di tahap umur yang sangat muda. Malah ada informan yang menceritakan bahawa terdapat remaja yang masih belajar menjadi pelacur tanpa pengetahuan ibu bapa mereka untuk mendapat wang bagi membeli barangan mewah.

Institusi keluarga besar mula terhakis kerana ahli keluarga tidak lagi tinggal dalam satu lokaliti yang sama. Dahulu ahli keluarga tinggal dalam satu lokaliti. Peranan mendidik anak-anak dilakukan bersama oleh ahli keluarga lain dengan menegur apa yang patut. Sekarang keadaan sedemikian sudah mula berubah. Tuntutan kerja membawa anak-anak Selangor ke merata tempat, baik dalam Selangor, negeri-negeri

lain di Malaysia dan juga Negara lain di dunia. Perpindahan ini menyebabkan anak-anak tidak lagi mampu untuk menjaga ibu bapa yang telah tua. Ibu bapa serta kaum keluarga lain tidak lagi berperanan sebagai penjaga cucu, cicit atau cucu dan cicit saudara. Malah mereka sendiri juga terabai dan sepi. Ini dapat diperhatikan daripada kes berikut:

Seorang informan wanita yang berumur 84 tahun dan mempunyai anak 11 orang tinggal seorang diri dan terpenjara dalam rumah sendiri kerana takut hendak buka pintu dan tingkap. Sembilan anaknya bekerja di daerah dan negeri lain. Hanya dua orang sahaja anaknya yang tinggal dalam daerah yang sama tetapi tidak berdekatan dengan rumahnya. Jarak rumahnya dengan rumah lain adalah dalam lingkungan empat ekar tanah. Anak-anak pula ada tidak mampu untuk membawa ibu bapa yang telah tua tinggal dengan mereka di tempat baru kerana rumah sempit, masa kurang dan kekurangan sumber ekonomi untuk mengambil pembantu bagi menjaga ibu bapa yang telah tua.

Ada juga ibu bapa yang tidak sunyi dan sepi kerana ada cucu cicit yang menemanakan mereka di kampung. Mereka ini terpaksa memikul tanggungjawab membela dan mendidik cucu atau cicit kerana anak-anak terpaksa bekerja di tempat lain dan tidak mampu untuk membawa anak-anak mereka bersama. Mereka yang sepatutnya duduk rehat dan melakukan ibadat terpaksa mengalas peranan baru dalam keadaan fizikal yang lemah, tiada pendapatan dan tanpa ban tuan keluarga. Lihat kes berikut:

Seorang informan wanita berumur 76 tahun tidak mengalami kesepian walaupun tidak tinggal bersama-sama dengan anak-anaknya kerana terpaksa menjaga cucu-cucunya yang masih kecil – yang tua berada dalam tingkatan tiga dan yang bongsu masih belum bersekolah. Anaknya yang merupakan ibu tunggal terpaksa meninggalkan anak-anaknya untuk dibela oleh beliau

kerana terpaksa bekerja di Bandar dan menyewa bersama-kawan-kawan kerana tidak mampu untuk mencari nafkah mereka sekeluarga. Informan ini kesal dalam rela, sebagaimana katanya, "Ikutkan hati memang tidak larat dah hendak jaga cucu dan memasak tetapi kalau saya tidak lakukan siapa lagi? Bagaimana anak saya hendak bekerja dan kami semua hendak makan. Cucu-cucu saya ini hendak makan dan hendak belajar. Dengan adanya mereka saya tidaklah sunyi sangat, Sakit pening saya ada juga orang yang ambil tahu. Tidaklah saya tergolek seorang diri. Cuma saya tidak dapat ke masjid untuk berjemaah buat bekal akhirat atau pergi mengikut kelas agama seperti orang tua yang lain".

Penduduk Selangor yang berpindah ke tempat lain pula banyak yang menonjolkan identiti peribadi seperti kuat bekerja, mementingkan wang, berdedikasi dan bebas, di samping mengekalkan sedikit identiti komuniti di mana mereka datang. Mereka perlu bersaing dengan orang lain tanpa mengira bangsa dan agama. Ada seorang informan yang bekerja di pusat hiburan memberitahu, "Saya tahu bekerja di tempat menjual arak dan tempat hiburan tidak baik di sisi Islam, tetapi bagaimana saya perlu hidup. Gaji di sini bersama dengan tip amat lumayan. Saya cari kerja di tempat lain, tetapi gajinya tidak boleh di bandingkan dengan apa yang saya dapat di sini. Sewa rumah, dan kereta perlu di bayar setiap bulan. Duit untuk emak di kampung perlu dihantar. Saya juga hendak makan, pakai dan berhibur. Mana yang lebih penting, bekerja di tempat sekarang dan hidup senang dengan bekerja di tempat lain dan hidup susah?. Saya pilih hidup senang. Tua nanti saya minta ampunlah kepada Allah".

Kedudukan wanita juga sudah mula berubah apabila berpeluang bekerja dan mendapat pendapatan sendiri. Wanita walaupun masih dianggap subordinat kepada lelaki tetapi penglibatan mereka dalam lingkungan awam dan mendapat gaji tetap telah memberi ruang kepada mereka untuk memperbaiki diri (dari segi kecantikan fizikal) dan berupaya untuk membuat

keputusan terutama sekali berkaitan dengan diri dan anak-anak. Wanita yang bekerja kurang mengalami tekanan perasaan berbanding dengan wanita yang tidak bekerja. Sebagai pekerja mereka perlu menjaga penampilan diri. Dengan ada duit sendiri, sudah ada yang mampu untuk membeli alat solek, pakaian daripada fesyen terkini, barangan berjenama, alat kesihatan, alat kemudahan dapur untuk kesenangan kerja memasak dan pergi mendapatkan rawatan di SPA. Peluang ini menjadikan mereka lebih cantik, kekal muda dan sihat. Mereka kurang takut apabila digelar ardatu atau diceraiakan suami berbanding dengan wanita yang tidak mempunyai pekerjaan dan sokongan sosial yang kuat.

Amalan Budaya dan Penyebaran Penyakit

Polisi yang diwujudkan oleh kerajaan dan ekonomi yang ingin mempromosikan pembangunan yang pesat dan cepat telah menyebabkan manusia menjadi lebih terdedah kepada penyakit infeksi. Proses globalisasi itu sendiri dikaitkan dengan penyakit. Ini termasuklah dari segi epidemiologi, mobilisasi dari segi penyebaran dan pengaruh sesetengah wacana dalam memahami penyakit epidemik. Penyakit seperti selsema burung, SARS, batuk kering, dengue, selsema H1N1 dan AIDS tersebar dengan cepat ke Malaysia dan khususnya Selangor kerana adanya pergerakan manusia secara global. Virus yang mula tersebar di luar negara telah tersebar ke Selangor dengan cepat ekoran daripada pergerakan manusia dan penyebaran manusia yang pesat ekoran daripada perkembangan ekonomi yang tertumpu ke daerah tertentu di Selangor. Rakyat Selangor bertali arus ke luar Negara atau negeri lain di Malaysia atas urusan perniagaan, pentadbiran, pelajaran, persidangan, pelancongan atau mencari pekerjaan dan begitu juga sebaliknya. Pergerakan rakyat Selangor atau rakyat asing di Selangor mempercepatkan penyebaran penyakit. Negeri Selangor merupakan negeri yang kadar demam denguenya adalah yang tertinggi di Malaysia. AIDS tersebar ke Malaysia dalam tahun 1986 melalui pelancong yang terdiri

daripada rakyat Amerika juga telah merebak ke Selangor. Penyebaran AIDS diburukkan lagi oleh pergerakan pelacur, kemudahan pengangkutan dan kemasukkan pekerja asing. Pekerja asing yang datang ke Malaysia tidak ramai yang membawa pasangan mereka. Mereka yang tidak ada pasangan ini ada yang melepaskan keinginan seks mereka dengan melangani pelacur. Pelacur ini ada yang terdiri daripada penduduk tempatan dan juga luar negara seperti Cina, Vietnam, Thailand dan Kemboja.

Penyakit selsema H1N1 juga tersebar dengan cepat di Selangor akibat daripada pergerakan pendatang yang seterusnya interaksi dengan penduduk tempatan. Ada pelancong dari Amerika datang ke Selangor dan rakyat Selangor yang belajar di US pulang menziarah ibu bapa semasa cuti semester. Penyakit yang bermula di Mexico telah merebak ke Selangor melalui konteks walaupun ada usaha kerajaan untuk mencegah penyebarannya. Kerajaan Malaysia dalam usaha untuk mencegah penyebaran penyakit H1N1 telah membenarkan penutupan pusat pengajian tinggi dan institusi pendidikan lain yang ahlinya ada yang mengidap penyakit tersebut. Penutupan ini sebenarnya menyebabkan penyebaran penyakit ini menjadi lebih cepat kerana pelajar pulang ke tempat asal mereka. Kepulangan mereka ke tempat asal mungkin menyemarakkan lagi penyebaran penyakit H1N1. Penyebaran virus ini dikatakan sebagai metafora bagi pelaburan global, perdagangan dan identiti budaya. Hari Raya Aidilfitri dirayakan oleh umat Islam di Selangor dengan melakukan sembahayang Aidilfitri di pagi raya, menziarah kaum keluarga dan sahabat handai serta mengadakan hari terbuka. Hari terbuka membawa manusia dari segenap lapisan masyarakat dan pelbagai tempat bertemu untuk menikmati hidangan dan berkenalan. Perbuatan tersebut mungkin akan menyemarakkan jangkitan H1N1. Bolehkah perayaan tersebut dilarang, malah ada pemimpin negara sendiri yang mengadakan rumah terbuka. Rumah terbuka Perdana Menteri Malaysia telah menarik seramai 50 ribu orang tetamu (Star 22 September 2009). Kemasukkan pendatang asing, baik sebagai pelancong mahupun pekerja boleh meningkatkan

jangkitan H1N1 dan juga penyakit berjangkit yang lain. Malaysia yang dahulunya sudah bebas daripada penyakit batuk kering dan malaria tetapi sekarang kedua-dua penyakit itu mula meningkat ekoran daripada kemasukkan pendatang asing. Penutupan sempadan tidak mungkin dapat dilakukan untuk tujuan ini.

Peningkatan pengantarabangsa bagi perdagangan telah memainkan peranan yang besar dalam penyebaran penyakit berjangkit yang tersebar ke seluruh negeri Selangor. Penyakit yang berpunca daripada virus adalah hasil dan penyebab daripada globalisasi yang selalu dikaitkan dengan konteks antara manusia. Manusia daripada seluruh pelusuk dunia datang ke Selangor, baik untuk melancong, berniaga, menziarah keluarga mahupun untuk mencari pekerjaan. Ramai golongan miskin terutama kanak-kanak dan wanita terjebak dengan pelacuran. Takut kepada jangkitan AIDS menyebabkan permintaan kepada pelacur muda meningkat kerana mereka dikatakan belum dijangkiti. Peningkatan kepada permintaan untuk pelacur muda telah menyebabkan ramai kanak-kanak dijadikan pelacur dan dijual. Dalam situasi di mana dislokasi sosial, kemiskinan dan kekurangan perkhidmatan kesihatan, penyakit tersebar dengan lebih cepat.

Peluang Pekerjaan dan Kemasukan Warga Asing

Pembangunan ekonomi membentuk peluang pekerjaan baru bukan sahaja kepada penduduk pinggir Wilayah Metropolitan Lembah Klang-Langat tetapi juga penduduk di luar bandar yang lain di dalam dan luar negeri Selangor. Negeri Selangor dikatakan sebagai negeri termaju di Malaysia yang menawarkan pelbagai pekerjaan. Pembangunan ekonomi di Selangor, khususnya di daerah pinggiran wilayah metropolitan tersebut, telah membentuk peluang baru kepada pendatang yang seterusnya mempengaruhi pola migrasi. Dari satu segi, pembangunan ekonomi menolong komuniti pinggir bandar ini mengekalkan ahlinya yang mungkin keluar. Dari satu segi yang lain, pembangunan ekonomi membawa masuk pendatang yang datang mencari pekerjaan atau peluang ekonomi di kawasan tersebut. Kemasukan pendatang

mungkin merangsang pembedaan yang membawa kepada penduduk pinggir metropolitan ini kehilangan identiti. Permintaan kepada perkhidmatan seperti kesihatan, tempat tinggal, makanan dan kemudahan asas yang lain meningkat. Ini bermakna penduduk tempatan terpaksa bersaing dengan pendatang asing, untuk mendapat perkhidmatan dan bahan tersebut. Persaingan ini telah menyebabkan kos perkhidmatan dan harga barangan tersebut meningkat. Bilangan penduduk juga meningkat.

Peningkatan penduduk membawa kepada peningkatan dalam permintaan untuk bahan makanan, rumah sewa, tenaga dan air. Peningkatan permintaan yang tidak seimbang dengan penawaran telah menyebabkan kos bahan tersebut di kawasan pinggir metropolitan ini menjadi lebih mahal berbanding dengan tempat lain. Sewa rumah dan harga rumah di pinggir wilayah metropolitan ini meningkat dengan kadar yang amat tinggi. Begitu juga dengan harga barangan lain seperti makanan dan tambang pengangkutan. Peningkatan harga barangan terutama bahan utama yang tidak seimbang dengan peningkatan pendapatan amat membebankan rakyat. Ini menyebabkan jurang perbezaan antara kaya dengan miskin di Selangor menjadi lebih besar. Golongan miskin akan terus miskin atau bertambah miskin dengan adanya persaingan dengan pendatang asing. Ada majikan yang kurang beminat untuk mengambil penduduk tempatan bekerja kerana mereka memintakan gaji yang tinggi dan syarat kerja yang lebih baik.

Nilai tradisi yang mementingkan semangat kekitaan dan moral telah bertukar kepada nilai wang. Penjual atau majikan lebih mementingkan keuntungan daripada kesejahteraan penduduk tempatan. Ini ditegaskan oleh seorang informan, sebagaimana katanya, "Tuan rumah di sebelah rumah saya menyewakan rumahnya kepada pendatang Bangladesh dan Indonesia. Mereka ini tinggal ramai-ramai dan tidak mementingkan adat resam kami penduduk tempatan. Kami penduduk tempatan rasa takut dengan mereka. Takut kami berasas kerana kejadian pecah rumah dan ragut sejak akhir-akhir ini meningkat di kejiranan kami. Tuan rumah hanya mementingkan sewa, iaitu siapa yang mampu bayar lebih mahal. Saya takut

hendak keluar rumah dan pintu rumah sentiasa saya kunci". Kemasukkan pendatang asing ini juga telah menyebabkan penduduk tempatan merasa kedudukan dan keselamatan mereka tergugut. Di akhir-akhir ini kejadian ragut dan pecah rumah meningkat di kawasan pinggir bandar Selangor. Malah ada seorang penduduk tempatan, iaitu pensyarah Universiti Selangor mati dibunuh oleh penceroboh yang masuk ke rumahnya pada akhir tahun lepas di Ijok, Selangor (*Utusan Melayu*). Penduduk tempatan juga merugut bahawa kucing dan anjing belaan mereka hilang diambil oleh pendatang asing yang makan daging haiwan tersebut. Pendatang ini juga kurang mementingkan kebersihan dalam kejiranan di mana mereka tinggal.

Peningkatan kepada keinginan keuntungan ekonomi bukan sahaja menjejaskan hubungan ahli komuniti dengan pendatang tetapi juga mempengaruhi hubungan antara individu dalam komuniti. Apabila mereka yang terlibat dalam ekonomi baru melihat keuntungan, maka peluang tersebut jarang dilepaskan oleh mereka. Kejayaan seseorang individu diukur dari sudut jumlah harta dan wang yang ia miliki. Mengikut seorang informan yang terdiri daripada guru, orang ramai hanya mempersoalkan sumber kekayaan seseorang hanya di tahap awal sahaja selepas itu mereka lupa. Orang yang memiliki kekayaan selalunya dihormati dan disanjung tinggi dalam masyarakat. Nilai yang mementingkan kejujuran, keikhlasan dan berhemah kurang mendapat tempat dalam masyarakat hari ini. Sistem nilai yang diasaskan kepada nilai moral sudah ditukar kepada nilai yang berasaskan wang. Orang hanya akan menolong apabila mereka mendapat bayaran. Ini tergambar dengan jelas semasa kenduri kahwin atau rumah terbuka. Urusan masak memasak dan kemas mengemas peralatan kenduri tidak lagi dilakukan secara gotong royong tetapi berbayar. Pepatah Melayu yang mengatakan "ada beras kerja jadi deras" memang nyatakan sekarang ini, cuma beras ditukar dengan wang. Siapa ada wang semua kerja deras. Akibatkan hubungan yang sebelumnya diasaskan kepada hubungan peribadi, kekeluargaan dan umur serta kejiranan sudah berubah kepada bentuk perdagangan. Walaupun sesetengah individu mendapat keuntungan daripada

perkembangan industri, tetapi perindustrian bukanlah mekanisme yang berkesan untuk mobiliti sosial bagi majoriti penduduk. Dalam sektor perindustrian, pekerjaannya ramai yang terdiri daripada tidak mahir dan separuh mahir, peluang pekerjaan untuk memajukan diri sangat terhad.

Pembahagian Tugas

Perkilangan dan perkembangan sektor pembuatan mempunyai kesan ke atas pembahagian tugas dan stratifikasi dalam komuniti pinggir Wilayah Metropolitan Lembah Klang-Langat. Pembahagian tugas dan stratifikasi adalah kategori ekonomi tetapi sebenarnya boleh dianggap sebagai kategori sosiobudaya kerana pembahagian tugas merujuk kepada peranan seseorang dalam lingkungan proses pengeluaran atau dalam memberi perkhidmatan. Pembahagian tugas selalunya bertindan lapis dengan kategori lain seperti gender, ras dan etnik. Pembahagian tugas penting untuk diambil kira kerana kedudukan seseorang dilihat daripada gaya hidup mereka yang berasaskan pendapatan, pendidikan, status, autoriti dan kuasa. Majoriti responden berada dalam kategori pekerja. Pekerja berbeza dari segi kuasa, gaya hidup dan pendapatan daripada golongan majikan. Majikan berkuasa menentukan peraturan cuti, kenaikan pangkat, masa rehat, gaji dan pembuangan pekerja. Pekerja bukan sahaja tidak berkuasa, malah tertakluk kepada belas ihsan majikan. Dalam sektor formal, golongan atasan yang membuat peraturan, manakala golongan pekerja hanya melaksanakan sahaja. Golongan pekerja tidak berkuasa untuk menentukan corak, bentuk dan jenis barangan yang mereka keluarkan. Sebagai pengguna mereka tidak mampu menentukan harga, warna dan barangan yang mereka beli.

Gaya hidup golongan pekerja dengan majikan dan birokrat amat berbeza. Terdapat perbezaan antara gaya hidup pengurus kilang dengan operator pengeluaran dan juru teknik. Operator pengeluaran berada di tahap yang terendah dalam hierarki pengurusan. Sebagai golongan bawahan mereka tidak berupaya untuk merundingkan hak mereka dan mengamalkan gaya hidup tertentu. Gaya

hidup sihat bukan merupakan gaya hidup golongan pekerja. Golongan pekerja tidak mampu untuk mengamalkan diet yang sihat, melakukan *exercise* dan bersukan. Untuk melibatkan diri dalam kegiatan sukan seperti tennis atau skuasy memerlukan kasut, *riket*, bola dan keahlian dalam kelab tertentu dan semua ini tidak mampu dimiliki oleh golongan pekerja. Mereka juga kurang mampu untuk membuat pemeriksaan kesihatan. Manakala golongan majikan, pemeriksaan kesihatan merupakan sebahagian daripada amalan hidup mereka. Sebagai golongan yang berkemampuan, mereka berusaha untuk kekal sihat supaya dapat menikmati hidup, manakala golongan pekerja, mereka berusaha untuk sihat supaya dapat terus bekerja. Tugas yang dijalankan oleh seseorang dalam masyarakat menggambarkan kedudukan sosial, kuasa, autoriti dan tugas yang mereka laksanakan yang seterusnya melambangkan gaya hidup mereka.

Industri perkilangan tidak memperkenalkan secara langsung stratifikasi dalam komuniti pinggir wilayah metropolitan tetapi ia mungkin mengubah kriteria di mana ia diasaskan. Asal usul atau status sosial seseorang yang mengenakan kriteria tradisi untuk stratifikasi telah diubah oleh industri dalam masyarakat kapitalist. Dalam masyarakat industri, nilai duit menjadi kriteria dalam menentukan kedudukan seseorang. Mereka yang memiliki modal ekonomi juga memiliki modal sosial. Pemilikan modal ini memudahkan mereka untuk memulakan perniagaan, membuat pinjaman dan seterusnya menarik pekerja. Malah golongan ini boleh mengawal golongan pekerja. Golongan pekerja yang perit nasinya bergantung kepada pekerjaan yang mereka lakukan akan patuh kepada keputusan dan peraturan yang ditetapkan oleh majikan. Malah ada yang sanggup mengadai maruah dan agama untuk mendapat gaji yang lumayan atau wang yang banyak.

Sumber tempatan seperti tanah, sekarang terbuka kepada orang lain untuk miliki dan guna. Transformasi dalam sumber tanah mengubah kedudukan individu dalam komuniti sekiranya mereka berpeluang untuk membeli dan miliki tanah. Peluang untuk membeli dan memiliki tanah kurang dimiliki oleh penduduk tempatan. Penduduk tempatan banyak kehilangan hak miliki dan

guna kerana memiliki sumber pengeluaran selalunya datang daripada pengusaha yang datang daripada luar seperti kelas menengah bandar atau golongan kapitalist daripada negara maju. Akibatnya, perindustrian mewujudkan jurang kepuasan penduduk tempatan dan membawa kepada ketaksamaan taburan keuntungan.

Perindustrian mempengaruhi pembahagian tenaga buruh dan kepuasan penduduk tempatan. Penduduk tempatan banyak terdedah kepada informasi dan barangan global. Pendedahan ini dalam banyak hal tidak mendatangkan kebaikan kepada mereka, malah menimbulkan tekanan. Mereka tidak dapat mengubah gaya hidup mereka. Mereka tidak berupaya untuk mengamalkan gaya hidup sihat. Matlamat mereka untuk kekal sihat adalah untuk terus bekerja, manakala golongan pengurusan, sihat bermakna dapat menikmati hidup – dapat melancong, makan apa sahaja dan dapat menikmati masa senggang. Gaya hidup mereka lebih berasaskan pendapatan, pendidikan, status, autonomi dan kuasa. Majoriti penduduk tempatan yang majoritinya berada dalam kategori pekerjaan bawahan selalunya tidak berupaya untuk mengamalkan gaya hidup sihat. Gaya hidup mereka berbeza daripada segi gaya hidup mereka yang berkuasa dan berpendapatan tinggi. Tahap pendidikan yang rendah serta kekurangan kemahiran telah menyebabkan majoriti penduduk tempatan hanya layak untuk bekerja sebagai operator pengeluaran. Sekarang ini pula mereka terpaksa bersaing dengan pendatang asing untuk mendapat jawatan tersebut. Mengikut seorang informan yang bekerja sebagai operator pengeluaran, majikan sekarang lebih suka ambil pendatang asing daripada penduduk tempatan. Sebagai operator pengeluaran mereka mempunyai gaya hidup yang berbeza daripada pihak pengurusan kilang. Mereka tidak mampu untuk memilih bahan makanan yang dimakan atau menganggotai

pusat-pusat riadah kerana pendapatan yang rendah.

Kesimpulan

Ekonomi perindustrian menyebabkan penduduk tempatan kehilangan masa dan tempat lepak tempatan serta identiti diri. Kehilangan tempat lepak tempatan yang diikuti dengan tempat dan masa kerja yang lama mempengaruhi corak hubungan sosial. Ikatan sosial dengan keluarga, jiran dan kawan menjadi longgar. Ikatan sosial baru muncul, di mana ikatan dengan kawan sekerja dan kejiran menjadi bertambah kukuh. Perpindahan kaum keluarga akibat kerja telah menyebabkan institusi keluarga besar mula hilang. Ramai ibu bapa yang telah tua serta anak-anak menjadi terabai. Tugas mendidik dan menjaga telah diambil alih oleh orang lain yang tidak ada hubungan kekeluargaan. Akibatnya ramai anak yang terabai ini terlibat dengan gejala sosial.

Impak pembandaran akibat globalisasi dan pembangunan ekonomi amat kompleks. Ia melibatkan gabungan antara peningkatan golongan kaya dan peningkatan ketaksamaan sosial yang dibenarkan oleh kuasa dan cara baru dalam menyusun kehidupan peribadi, budaya sebagai citra perbezaan cara hidup yang berkembang dengan pesat di serata dunia. Dalam arena politik, peraturan negara memainkan peranan yang penting dalam menentukan had di mana struktur sosial baru dan identiti baru boleh berkembang. Ekonomi perindustrian dan perladangan membentuk perubahan yang mempengaruhi struktur keluarga, hubungan interpersonal, kemasukan pendatang, pembahagian tugas, penyebaran penyakit dan perubahan gaya hidup. Hubungan kekeluargaan menjadi longgar dan hubungan bentuk baru pula muncul yang berasaskan kepada tempat kerja dan tempat tinggal.

Daftar Pustaka

- Cockerham, W.C. 2010. *Medical Sociology*. 11th edition. London: PEARSON education international.
- Giddens, A. 1990. *The Consequences of Modernity*. Stanford: Stanford University Press.

- Inglehart, R. & W.E.Baker. 2000. Modernization, cultural change and the persistence of traditional values. *American Sociological Review*. Vol. 65. no. 1. pp 19 – 51.
- Kearney, M. 1995. The local and the global: the anthropology of globalization and transnationalism. *Annual Review of Anthropology*. Vol. 24. pp547 – 565.
- Mills, M. B. 2003. Gender and inequality in the global labor force. *Annual Review of Anthropology*. Vol. 32. pp 41 – 62.
- Orozco, M. 2002. Globalization and migration: the impact of family remittances in Latin America. *Latin American Politics and Society*. Vol. 44. no. 2. Summer. pp41- 66.
- Parrado, E.A. & C.A. Flippen & C. McQuiston. 2005. Migration and relationship power among Mexican women. *Demography*. Vol. 42. no.2. May. Pp 347-372.
- Sered, S.S. 1990. Women, religion and modernization: tradition and transformation among elderly Jews in Isreal, *AmericanAnthropologist. New series*. Vol. 92. no. 2. Jun. pp 306 – 318.
- Tallman, I & R. Morgner. 1970. Life-style differences among urban and suburban blue-collar families. *Social Forces*. Vol. 48, No. 3 (March).pp. 334 – 348.
- Turner, R.H. 19190. Role change. *Annual Review of Sociology*. Vol. 16. pp 87 – 110.
- Williams, S.J. 1995. Theorizing class, health and life-styles: an Bourdieu help us? *Sociology of Health & Illness*, Vol. 17. no. 5. pp. 577-604.